

MENGAPAKAH ADA YANG SEBEGITU MUDAH DIJANGKITI CAMPAK?

Dikalangan penduduk kampung Orang Asli ini terdapat beberapa kelompok yang samada sebelum ini tidak pernah menalami jangkitan Campak atau tidak pernah mendapat vaksinasi secukupnya untuk mendapat imuniti (kebolehan melawan infeksi tertentu) terhadap Campak.



BERNAMA 18 Jun 2019

Dilaporkan juga, 61.5% dicatat menerima dos pertama vaksinasi MMR; dan hanya 30% menerima dos kedua.

Populasi yang rendah imunitinya memudahkan penularan kerana bilamana virus terlepas ke kelompok ini, ianya dengan mudah dapat bertapak dan merebak dari seorang ke seorang dan seterusnya. Keadaan ini kita gelarkan sebagai "imuniti kelompok rendah".



Kisah bermula bila dilaporkan 15 kematian berlaku dikalangan penempatan Orang Asli Kaum Batik di kawasan pendalaman Gua Musang, Kelantan di Kuala Koh seolah-olah disebabkan penyakit misteri.



Penyakit masih merebak

SITI NOR AKMALIAH RAZAK | 12 Jun 2019



Kanak-kanak Orang Asli mangsa ke-15 meninggal

GAMBAR fail, seorang kanak-kanak Orang Asli Kampung Kuala Koh, Gua Musang, Nsari Rosli, berusia tiga tahun yang dijangkiti radang paru-paru sejak sembilan hari lalu telah meninggal dunia di Pediatrik Intensif Care Unit (PICU), Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) Kota Bharu jam 6.45 petang semalam. - Foto Zaman Huri Isa

Campak adalah penyakit yang amat mudah menular.

Seorang penghidap Campak mampu berjangkit kepada sembilan dari sepuluh orang yang tiada imuniti terhadapnya!



Siasatan rapi dan sistematik dibuat oleh pihak berkuasa dan amat jelas sekali penyebab kematian dapat dikesan adalah

Wabak melanda Orang Asli Kuala Koh disahkan demam campak 17 Jun 2019



DEMAM CAMPAK adalah satu penyakit yang amat cepat berjangkit- merebak melalui ledakan butiran air bila mereka yang mengidap batuk atau bersin. Campak juga merebak bila individu yang tidak terlindung terdedah secara terus kepada kahak atau air mukus dari salur pernafasan mereka yang terjangkit.




Tanda awal seperti demam panas tinggi melebihi 40 °C (104 °F), batuk, hidung berair, dan mata merah memberi gambaran seolah menghidapi demam selsema (flu). Yang dapat membeza adalah "Koplik Spot" yang tampak dalam mulut 2-3 hari selepas tanda awal terserlah. Ruam - merah merata - akan mula timbul di muka 2-3 hari kemudian dan merebak ke bahagian badan yang lain.




Ruam ini adalah petanda klinikal yang penting. Ia membantu mengenal aliran peristiwa klinikal campak (lihat gambarajah).

Ruam ini biasanya terasa

gatal maka adalah baik pesakit ditegah dari menggaru atau diberi ubat untuk mengurangkan gatal. Tiada rawatan khusus seperti pembasmikuman; hanya sekadar meredakan tanda-tanda.



Komplikasi Demam CAMPAK



Pencemaran sungai, sebagai contoh, mungkin tidak secara lansung menyebabkan kematian tetapi ianya mengurangkan populasi ikan dan dengan memberi kesan kepada kadar protein (dari ikan yang dimakan). Pada kanak-kanak yang giat membesar, kelemahan nutrisi ini amat mengesankan kadar perkembangan juga ketahanan melawan penyakit berjangkit.

Sebagai masyarakat yang prihatin kita sewajarnya berusaha untuk menjaga alam sekitar, meningkatkan kemudahan vaksinasi, memberi perhatian lebih kepada nutrisi penduduk - terutama kanak-kanak dan mengurangkan pendedahan kepada kuman melalui halangan pelawat luar yang mungkin sahaja adalah pembawa virus.



Kejadian ini wajar menjadi contoh kepentingan VAKSINASI. Kita adalah pelindung anak-anak kita. Kita perlu rasa bertanggungjawab melindungi anak-anak kita.